

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JUN 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

## Semakan ekonomi global lonjak perdagangan Malaysia

Unjuran ekonomi global 2.1 peratus, diikuti AS dan China pacu eksport negara

KUALA LUMPUR

**S**emakan terkini pertumbuhan ekonomi global pada tahun ini memberi prospek yang baik kepada Malaysia dan akan menyumbang secara positif kepada prestasi perdagangan negara, kata Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Baru-baru ini, Bank Dunia telah menyemak semula pertumbuhan global kepada 2.1 peratus pada 2023, lebih kukuh daripada anggaran 1.7 peratus yang diumumkan pada Januari.

Pada masa sama, ia telah menaikkan unjuran pertumbuhan 2023 untuk Amerika Syarikat kepada 1.1 peratus dan China kepada 5.6 peratus, kedua-duanya adalah rakan dagang terbesar Malaysia.

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dinaikkan sebanyak 0.3 mata peratusan berbanding

unjuran Januari kepada 4.3 peratus pada 2023 dan 4.2 peratus pada 2024.

Sementara itu, Pertumbuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) menyemak semula prospek pertumbuhan ekonomi dunia kepada 2.7 peratus daripada 2.6 peratus berikutan inflasi yang rendah dan sekatan Covid-19 yang ditarik balik oleh China, tetapi menekankan perjalanan yang panjang untuk mencapai pertumbuhan yang kukuh.

"Semakan menaik ini adalah positif untuk negara seperti Malaysia apabila perdagangan memainkan peranan utama dalam ekonomi.

"Apa yang kita lihat ialah pertumbuhan, perdagangan masih positif, tetapi berbanding tahun lepas, terdapat pertumbuhan yang sederhana," kata Tengku Zafrul pada Sabtu.



TENGGU ZAFRUL

Beliau berkata, perdagangan Malaysia mencapai kira-kira 140 peratus daripada KDNK negara.

Dalam perkembangan lain, Pertumbuhan Perdagangan Dunia mengunjurkan pertumbuhan perdagangan yang rendah pada tahun ini sebanyak 1.7 peratus berbanding 2.7 peratus pada tahun lepas, sebelum meningkat kepada 3.2 peratus pada 2024.

Bagaimanapun, Tengku Zafrul yakin bahawa ketidak-tentuan dalam pasaran mata wang tidak akan menyebabkan defisit perdagangan di Malaysia.

"Saya tidak bimbang mengenai defisit perdagangan kerana kita dipacu oleh eksport yang kukuh daripada sektor elektrik dan elektronik (E&E), dengan sumbangan kepada KDNK sebanyak enam peratus.



Inflasi yang rendah dan sekatan Covid-19 yang ditarik balik oleh China adalah faktor positif bagi sesebuah negara perdagangan seperti Malaysia.

"Sektor ini terus, menyaksikan permintaan global yang kukuh dan kita akan mendapat manfaat daripadanya. Kita akan mendapat manfaat daripada penajajaran semula rantaian bekalan ke Malaysia berdasarkan landskap geopolitik global," katanya.

Malaysia telah mengekalkan

lebih dagangan sejak Mei 2020.

Pada 2022, jumlah perdagangan Malaysia melepasi paras RM2 trilion untuk tahun kedua berturut-turut untuk mencatatkan RM2.8 trilion. Eksport berjumlah RM1.6 trilion dan import mencecah hampir RM1.3 trilion. - Bernama